

Dr.M yakin Trengganu mengalami perubahan

KUALA TRENGGANU, Rabu — Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yakin Trengganu akan mengalami perubahan yang radikal di bidang perindustrian dalam dekad-dekad akan datang.

Keyakinan ini, katanya, berpandukan kepada penemuan sumber asli terutama petrolium dan gas di kawasan perairan negeri Pantai Timur itu.

"Sumber ini walaupun tidak kekal tetapi menjadi daya penarik dan penggerak yang berkesan di bidang perindustrian," katanya dalam buku cenderamata seminar Pembangunan Perindustrian Negeri Trengganu yang bermula di sini semalam.

Bellau berpendapat langkah Kerajaan Negeri mengadakan seminar 2 hari itu kena pada masanya kerana ia memberi tumpuan khusus kepada aspek-aspek perindustrian di mana pertumbuhannya agak lambat pada masa ini.

Hasrat

Dengan penemuan petrolium dan gas di dasar laut, ujarnya Trengganu mendapat punca hasil baru yang lumayan yang boleh digunakan bagi memesatkan lagi pembangunan negara.

"Penempatan dan pelaksanaan projek-projek besar berasaskan petrolium di Trengganu menunjukkan kesungguhan Kerajaan Persekutuan untuk meningkatkan pembangunan negeri tersebut," katanya.

Datuk Seri Dr. Mahathir yang juga Menteri Perdagangan dan Perindustrian menjelaskan adalah menjadi hasrat Kerajaan melihat pembangunan di Trengganu dapat seimbang dengan pembangunan di seluruh negara.

Bellau berharap seminar yang dihadiri oleh 225 wakil pihak pelabur dari sektor awam bukan sahaja dapat menghasilkan rumusan-rumusan yang bernas, bahkan dapat menarik lebih banyak pelaburan bagi mempercepatkan lagi kegiatan perindustrian di negara ini.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia